

KELI AQUATIC FARM

DISEDIAKAN UNTUK :

PUAN ZAITON MAHMUD
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH :

| | |
|---------------------------|----------|
| FADZLI BIN MOHD IDRIS | 96514970 |
| NORADELA BTE ZAHARI | 96521041 |
| NAZRULLAH BIN MOHD HASAN | 96962818 |
| NORSHAMSARA BTE MUSA | 96960191 |
| MOHD NOR BIN KHAMIS | 96382253 |
| AIZAM NAZIR BIN ABD. AZIZ | 96138739 |

6 APRIL 1999



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 6hb. Januari 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

| Bil. | Nama Pelajar | No. ITM |
|------|--------------------------|----------|
| 1. | Aizam Nazir b. Abd. Aziz | 96138739 |
| 2. | Mohd Nor b. Khamis | 96382253 |
| 3. | Noradela bt. Zahari | 96521041 |
| 4. | Norshamsara bt. Musa | 96960191 |
| 5. | Nazrullah b. Hasan | 96962818 |
| 6. | Fadzli b. Mohd Idris | 96514970 |

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ. OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka.
b/p Pengetua

Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

Tarikh : 3 Januari 1999

Puan Zaiton Mahmud
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

Puan

Laporan Rancangan Perniagaan

Pada bulan Disember 1998, kami telah di arahkan oleh Puan untuk menyediakan satu kerja Rancangan Perniagaan. Kami bersepakat untuk membuka sebuah ladang ternakan ikan keli di Kampung Sebatu, Merlimau , Melaka.

Laporan ini disediakan bagi melengkapkan syarat-syarat metapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) . Bersama-sama ini kami sertakan kertas kerja Rancangan Perniagaan kami yang memuatkan bahagian-bahagian penting projek mengikut arahan, tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan.

Akhir kata, segala kerjasama, nasihat dan bimbingan dari pihak Puan dalam menjayakan kertas kerja ini adalah amat kami hargai. Semoga Allah S.W.T memberkati segala usaha kami .

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(Fadzli bin Mohd Idris)
96514970

(Noradela bt Zahari)
96521041

(Nazrullah bin Mohd Hasan)
96962818

(Norshamsara bt Musa)
96960191

(Mohd Nor bin Khamis)
96382253

(Aizam Nazir bin Abd. Aziz)
96138739

1.0 RANCANGAN ORGANISASI

1.1 PENGENALAN ORGANISASI

Projek Rancangan Perniagaan ini adalah merupakan rancangan bersama untuk menubuhkan satu perusahaan ternakan ikan keli yang pada masa sekarang ini mempunyai permintaan yang semakin menggalakkan dari masyarakat di sekitar Melaka dan Muar.

Perniagaan kami menjalankan kegiatan menternak ikan keli secara komersial dan merupakan syarikat hak milik penuh Bumiputera. Perniagaan kami adalah berbentuk perkongsian. Lokasinya ialah di **Kampung Sebatu, 77300 Merlimau, Melaka** dan kami telah menamakan syarikat kami sebagai **Keli Aquatic Farm** yang menjalankan aktiviti menternak dan memasarkan ikan keli. Kami telah memilih ikan keli kerana permintaan terhadap ikan ini dari apa yang telah kami kaji dengan teliti. Timbulnya idea untuk menjalankan perniagaan ini adalah di sebabkan hasil penelitian bahawa bidang perniagaan ini di kawasan Melaka dan Muar adalah kurang terutama di kalangan Bumiputera sendiri.

Ikan ini berupaya untuk hidup di dalam pelbagai keadaan dan mutu air. Ia hanya memerlukan kawasan ternakan yang kecil untuk ditenak dan boleh di stok lebih padat dari kebanyakan spesies ikan yang lain. Ia boleh hidup di atas darat untuk beberapa jam atau di dalam air yang rendah kandungan oksigen terlarut kerana ia mempunyai organ arboresen yang membolehkannya bernafas selagi alat pernafasannya masih lembab.

Di sebabkan kurangnya penglibatan kaum Bumiputera dalam bidang ini maka kami berharap agar kami dapat menjamin pembekalan ikan keli yang berterusan di pasaran. Maka dengan ini adalah menjadi dasar perniagaan kami iaitu Keli Aquatic Farm ditubuhkan untuk mengembangkan dan meningkatkan perusahaan ikan keli di kalangan Bumiputera bagi memenuhi permintaan masyarakat sekitar yang semakin meningkat.

Keli Aquatic Farm di jangka akan memulakan operasinya pada bulan Januari 2002.